

08 JUL 1996

Mohamed-Kempen

LARANGAN BERKEMPEN ELAK POLITIK WANG DAN PERPECAHAN

KOTA KINABALU, 8 Julai (Bernama) -- Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno mengharamkan kempen menjelang pemilihan parti Oktober ini dibuat bagi mengelak perpecahan dalam parti serta mengawasi penggunaan wang untuk mendapatkan sokongan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata kempen yang keterlaluan boleh memecahkan parti dan menimbulkan amalan "berpuak-puak."

"Kita tidak ada 'team' (puak) dalam Umno. Sekarang ini kita bertindak secara bersama, membuat keputusan bersama," katanya kepada pemberita di sini selepas mengadakan pertemuan dengan setiausaha-setiausaha bahagian Umno di negeri ini.

Katanya, Umno telah mengalami keperitan akibat perpecahan yang akhirnya menghancurkan parti.

MT Umno pada mesyuaratnya Sabtu lepas membuat keputusan mengharamkan kempen bagi pemilihan pucuk pimpinan parti itu dan menetapkan supaya pencalonan oleh bahagian-bahagian dilakukan dengan mengesahkan secara "en bloc" senarai pencalonan mereka yang mendaftarkan untuk bertanding.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata langkah itu juga dibuat berikutan timbulnya dakwaan mengenai penggunaan wang serta salahguna kuasa oleh sesetengah calon untuk mendapat sokongan.

"Keputusan ini sudah tentu dapat membantu membanteras politik wang kerana bahagian-bahagian tidak lagi bebas mencalonkan individu tertentu."

Sehubungan dengan keputusan itu, beliau mengingatkan semua bahagian dan cawangan Umno agar tidak menganjurkan sebarang perjumpaan atau kegiatan bagi pihak mana-mana calon.

Mohamed berkata berikutan keputusan mengenai pencalonan itu secara "en bloc" itu, bahagian-bahagian juga tidak lagi boleh mengemukakan nama-nama baru untuk dicalonkan.

Katanya langkah berkenaan adalah adil kepada calon-calon yang bertanding kerana ia boleh mengelakkan "perlumbaan" mendapatkan pencalonan yang terbanyak.

Katanya mengikut senarai calon yang ada, terdapat dua calon untuk jawatan pengerusi tetap, tiga bagi timbalan pengerusi tetap, masing-masing satu bagi Presiden dan Timbalan Presiden, tujuh untuk naib presiden dan 65 orang bagi calon MT.

Jumlah itu adalah daripada 208 yang mendaftar diri untuk bertanding. Bagaimanapun lima daripadanya -- dua calon MT dan tiga calon Pergerakan Pemuda -- telah menarik diri.

Mohamed selaku Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) juga berkata, BN pusat masih menunggu laporan daripada BN Sabah dan keputusan daripada Gerakan pusat mengenai kedudukan Pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming.

Katanya Kong dan Gerakan Sabah hendaklah segera memutuskan pendiriannya berhubung tindakannya berkecuali daripada pengundian terhadap pindaan undang-undang Sabah yang diluluskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri bulan lepas.

"Tidak timbul soal keputusan Kong itu dibuat atas dasar pandangan peribadi. Ini adalah (keputusan) parti," katanya.

Kong tidak mengundi semasa pengundian dijalankan bagi rang undang-undang Enakman Perhutanan Sabah (Pindaan) pada 17 Jun lepas dan tindakannya itu menimbulkan kritikan daripada banyak pemimpin BN termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang juga Pengerusi BN. --

BERNAMA
JS NMO